

SISTEM ECOMMUNITYKL : PLATFORM DIGITAL UNTUK MENINGKATKAN PENGLIBATAN KOMUNITI SETEMPAT

EMMA ELISYA BINTI MOHD NORHAFIZAN
ASSOC. PROF. DR. NUR FAZIDAH ELIAS

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat 43600 Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Projek eCommunity.kl dibangunkan sebagai satu platform digital yang bertujuan untuk menghubungkan penduduk Kuala Lumpur dengan pelbagai aktiviti komuniti di sekitar mereka, seperti kelas, bengkel kemahiran, sukarelawan, dan tempahan bilik mesyuarat. Masalah utama yang dikenal pasti ialah ketiadaan sistem berpusat yang membolehkan penduduk mencari, menyertai, dan menganjurkan aktiviti komuniti secara mudah berdasarkan lokasi dan minat masing-masing. Kebanyakan platform sedia ada bersifat umum, tidak fokus kepada keperluan komuniti setempat dan tidak menyokong penyenaian aktiviti oleh pengguna tempatan. Sebagai penyelesaian, eCommunity.kl menawarkan laman web mesra pengguna yang membolehkan pengguna mendaftar, mengesahkan lokasi, mencari aktiviti, membaca maklumat terperinci, menempah slot, membuat pembayaran jika perlu, serta memberi ulasan selepas aktiviti. Bagi pengguna yang ingin menganjurkan aktiviti, sistem menyediakan borang untuk dimohon dan disemak oleh admin sebelum disiarkan. Pendekatan ini menggabungkan kawalan kualiti serta memudahkan keterlibatan komuniti. Strategi pembangunan yang digunakan ialah metodologi Agile yang membolehkan pembangunan dilakukan secara iteratif dan fleksibel. Kaedah ini membolehkan pasukan pembangunan mengadaptasi perubahan dan maklum balas pengguna dengan lebih cepat. Hasil akhir projek ini ialah satu platform berfungsi yang telah diuji dari aspek fungsi dan kebolegunaan melalui soal selidik dan pengujian pengguna. Sistem ini berjaya memaparkan aktiviti berdasarkan lokasi dan membolehkan proses penyertaan dan penyenaian aktiviti dikendalikan dengan efisien. eCommunity.kl diharap dapat menjadi medium utama untuk mengukuhkan keterlibatan komuniti bandar melalui teknologi.

ABSTRACT

The eCommunity.kl project was developed as a digital platform aimed at connecting Kuala Lumpur residents with various community activities around them, such as classes, skill workshops, volunteering, and meeting room bookings. The main issue identified is the lack of a centralized system that allows residents to easily search for, join, and organize community activities based on their location and interests. Most existing platforms are general in nature, not focused on the needs of the local community, and do not support activity listings by local users. As a solution, eCommunity.kl offers a user-friendly website that allows users to register, verify locations, search for activities, read detailed information, book slots, make payments if necessary, and leave reviews after activities. For users who wish to organize activities, the system provides a form to be applied for and reviewed by the admin before being published. This approach combines quality control and facilitates community engagement. The development strategy used is the Agile methodology, which allows development to be carried out iteratively and flexibly. This method allows the development team to adapt to changes and user feedback more quickly. The final result of this project is a functional platform that has been tested in terms of functionality and usability through surveys and user testing. This system successfully displays activities based on location and allows the process of participation and listing of activities to be managed efficiently. eCommunity.kl is hoped to become the main medium to strengthen urban community engagement through technology.

PENGENALAN

Dalam era digital yang semakin berkembang pesat, keperluan untuk menghubungkan masyarakat dengan pelbagai aktiviti komuniti melalui platform dalam talian semakin mendesak. Kemajuan teknologi dan peningkatan penggunaan internet telah membuka peluang baharu untuk membina rangkaian dalam komuniti tempatan, memudahkan penyertaan dalam aktiviti sosial, pendidikan, dan sukarelawan. eCommunity.kl adalah satu laman web berpusatkan warga (citizen-centric) yang dibangun dengan matlamat utama untuk memudahkan penduduk di Kuala Lumpur mencapai maklumat mengenai aktiviti-aktiviti seperti kelas sukan, bengkel kemahiran, serta peluang sukarelawan secara mudah, melalui satu platform yang komprehensif.

Kuala Lumpur merupakan bandar yang pesat membangun dengan komuniti yang pelbagai dan aktif. Namun begitu, kekurangan sistem yang menyeluruh dan mudah dicapai untuk menyatukan maklumat mengenai aktiviti-aktiviti tempatan menimbulkan cabaran dalam menggalakkan penglibatan komuniti. Kewujudan platform seperti eCommunity.kl membantu merapatkan jurang ini dengan menghubungkan orang ramai berdasarkan minat mereka, serta menawarkan peluang untuk terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang berbayar dan percuma seperti sukarelawan.

Dengan menggunakan pendekatan yang mesra pengguna dan bersifat komuniti, eCommunity.kl berfungsi sebagai pusat sehati bagi penduduk untuk mencari, menyertai, dan mengatur aktiviti-aktiviti di sekitar kawasan mereka. Platform ini bukan sahaja memberi manfaat kepada pengguna yang ingin mencari kelas atau aktiviti sukarelawan, tetapi juga kepada penganjur 2 yang ingin mempromosikan acara mereka kepada masyarakat setempat. Melalui pendekatan ini, eCommunity.kl berusaha untuk membina komuniti yang lebih erat dan aktif, dengan meningkatkan kesedaran serta penglibatan dalam aktiviti-aktiviti sosial di peringkat tempatan.

Dengan memanfaatkan teknologi digital, eCommunity.kl berpotensi untuk menjadi alat penting dalam membangunkan komuniti yang lebih bersatu padu dan proaktif, selari dengan keperluan dan gaya hidup moden.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi yang digunakan dalam projek ini ialah *Agile*. Hal ini agar projek dapat dibangun secara iteratif dan fleksibel. *Agile* membolehkan penyesuaian pantas terhadap perubahan keperluan dan maklum balas pengguna sepanjang pembangunan platform eCommunity.kl.

Fasa Perancangan

Pada fasa ini, perbincangan secara mendalam diadakan dengan pihak berkepentingan, termasuk pengguna akhir dan penganjur aktiviti, untuk mengenal pasti keperluan dan keutamaan ciri-ciri utama yang perlu dibangun. Peringkat ini juga melibatkan pengumpulan data mengenai kategori aktiviti dan lokasi di Kuala Lumpur yang relevan. Di fasa ini, ciri-ciri seperti sistem pendaftaran pengguna, carian aktiviti, dan papan pemuka untuk penganjur dikenalpasti sebagai elemen penting. Hasil daripada fasa ini ialah *backlog* produk, iaitu senarai keperluan yang akan diguna untuk pembangunan.

Fasa Reka Bentuk

Pada fasa ini, reka bentuk antara muka pengguna (UI) dan pengalaman pengguna (UX) dihasilkan berdasarkan keperluan yang telah dikenalpasti dalam fasa perancangan. Reka bentuk ini memberi tumpuan kepada menjadikan platform mudah diguna oleh pelbagai golongan masyarakat, termasuk generasi muda. Penekanan juga diberi kepada rekaan berpusatkan warga yang intuitif dan mesra pengguna. Prototaip awal dibangun untuk memberi gambaran jelas mengenai rupa dan fungsi laman web, dan ini akan dikongsi dengan pengguna untuk mendapatkan maklum balas awal.

Fasa Pembangunan

Fasa ini merupakan pelaksanaan teknikal di mana ciri-ciri yang telah dirancang dibangun secara iteratif. Menggunakan kaedah *Agile Sprints*, pembangunan bekerja dalam kitaran pendek untuk menghasilkan versi yang boleh diuji dan diperbaiki setiap dua hingga tiga minggu. Pada setiap hujung Sprint, versi laman web yang berfungsi dihasilkan untuk tujuan maklum balas dan

pengujian. Ciri-ciri asas seperti pendaftaran pengguna, carian aktiviti, dan papan muka penganjur dibangunkan terlebih dahulu sebelum ciri-ciri lebih kompleks ditambah.

Fasa Pengujian

Setiap versi platform yang dihasilkan dalam fasa pembangunan diuji secara intensif untuk memastikan bahawa ia berfungsi dengan baik dan memenuhi keperluan pengguna. Pengujian ini melibatkan pengujian unit, pengujian integrasi, dan pengujian penerimaan pengguna (User Acceptance Testing, UAT) di mana pengguna sebenar akan menguji sistem tersebut. Maklum balas pengguna sangat penting dalam fasa ini untuk mengenal pasti sebarang isu yang perlu diperbaiki sebelum platform dilancarkan kepada orang ramai.

Fasa Pelaksanaan

Setelah semua ciri utama selesai dibangun dan diuji, platform eCommunity.kl dilancarkan kepada umum. Pada fasa ini, pelaksanaan awal dilakukan secara terhad di kawasan tertentu di Kuala Lumpur sebagai ujian beta. Pengguna akan diberi peluang untuk menggunakan platform dan memberi maklum balas yang lebih terperinci, yang akan diguna untuk memperbaiki platform di fasa seterusnya.

Fasa Penyelenggaraan dan Penambahbaikan

Setelah dilancarkan, platform terus dipantau dan diperbaiki berdasarkan maklum balas pengguna serta keperluan baru yang mungkin timbul. Pasukan pembangunan akan melaksanakan penambahbaikan secara berkala, termasuk menambah ciri-ciri baru seperti integrasi media sosial dan sokongan untuk aktiviti di luar Kuala Lumpur. Fasa ini juga melibatkan penyelenggaraan sistem untuk memastikan laman web berfungsi dengan lancar dan bebas daripada masalah teknikal.

Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini adalah berdasarkan pembacaan kajian lepas yang menyatakan keperluan untuk membangun sebuah sistem komuniti. Kajian-kajian terdahulu memberikan wawasan yang mendalam tentang cabaran penduduk di bandar Kuala Lumpur untuk mencari aktiviti-aktiviti di kawasan sekitar mereka. Kajian ini meneliti pelbagai sumber termasuk artikel akademik, laporan penyelidikan dan kajian kes yang relevan, untuk memahami keperluan dan jangkaan pengguna terhadap sistem komuniti. Melalui analisis literatur ini, maklumat penting mengenai kepentingan manusia untuk hidup dalam komuniti dan berinteraksi antara satu sama lain telah dikenalpasti. Hasil daripada pembacaan dan analisis ini digunakan sebagai asas untuk pembangunan fungsi sistem yang memenuhi keperluan fungsional dan bukan fungsional yang dicadangkan.


KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Keputusan dan perbincangan daripada pembangunan sistem eCommunity.kl menunjukkan bahawa keseluruhan proses pembangunan berjaya dilaksanakan dengan mengikuti pendekatan terancang dan teknologi yang sesuai. Proses pembangunan telah melibatkan beberapa fasa penting termasuk perancangan, reka bentuk antara muka pengguna (UI) dan pengalaman pengguna (UX), pembangunan kod, pengujian sistem, serta pelaksanaan. Hasil pembangunan menunjukkan sistem berfungsi dengan baik dalam menyokong pelbagai fungsi utama seperti pendaftaran pengguna, log masuk, pengesahan lokasi, carian aktiviti, tempahan slot aktiviti, serta penambahan aktiviti oleh pengguna. Modul-modul sistem seperti `register.php`, `login.php`, `insert_activity.php`, dan `booking_form.php` dibangunkan menggunakan teknologi seperti HTML, CSS, PHP, dan JavaScript, manakala phpMyAdmin digunakan untuk pengurusan data dalam pangkalan data MySQL secara sistematik.

Dari segi reka bentuk UI/UX, sistem memfokuskan kepada kemudahan penggunaan dengan reka bentuk antara muka yang ringkas, mudah difahami dan responsif, membolehkan pengguna dari pelbagai latar belakang mengakses dan berinteraksi dengan sistem tanpa kekeliruan. Pengujian sistem dilakukan secara berterusan sepanjang proses pembangunan menggunakan


pendekatan Agile, yang membolehkan semakan dan penambahbaikan dilakukan secara iteratif. Setiap fungsi diuji melalui ujian unit dan integrasi bagi memastikan kestabilan sistem, manakala ujian penerimaan pengguna (UAT) digunakan untuk mendapatkan maklum balas sebenar daripada pengguna. Struktur pangkalan data yang dibina juga menyokong penyimpanan dan pemprosesan data yang kemas dan efisien, termasuk maklumat pengguna, tempahan, dan aktiviti.

Rajah 1 menunjukkan antara muka bagi fungsi pendaftaran akaun pengguna. Pengguna boleh mendaftar akaun menggunakan email mereka dan meletakkan kata laluan bagi tujuan privasi dan keselamatan.




Rajah 1 - Antara muka pendaftaran pengguna

Rajah 2 menunjukkan antara muka log masuk akaun. Sekiranya pengguna lupa kata laluan, pengguna boleh menekan 'Forgot Password' dan sebuah emel akan dihantar kepada pengguna untuk menetapkan semula kata laluan mereka.



Rajah 2 - Antara muka log masuk akaun


Rajah 3 menunjukkan paparan mesej ‘pop-up’. Paparan popup ini muncul sebaik sahaja pengguna log masuk ke sistem eCommunity.kl, bertujuan untuk meminta kebenaran mengakses lokasi semasa pengguna. Fungsi ini membolehkan sistem mengenal pasti kawasan geografi pengguna dan memaparkan senarai aktiviti komuniti yang paling hampir dan relevan. Dengan ciri ini, pencarian aktiviti menjadi lebih mudah dan bersasar, meningkatkan kebolegunaan sistem dan mempercepatkan proses pencarian aktiviti setempat.



Rajah

Rajah 3 - Antara muka mesej ‘pop-up’

Rajah 4 menunjukkan antara muka dashboard sistem. Papan pemuka eCommunity.kl berfungsi sebagai pusat kawalan bagi pengguna, memaparkan ringkasan aktiviti yang telah ditempah, status penyertaan, serta butiran peribadi seperti nama dan nombor telefon. Ia juga menyediakan akses pantas ke fungsi penting seperti menyemak ulasan, mengisi borang aktiviti baharu, dan menyunting profil pengguna. Reka bentuk yang kemas dan tersusun memastikan pengguna dapat menavigasi sistem dengan efisien.



Rajah 4 - Antara muka dashboard

Rajah 5 menunjukkan antara muka memasukkan aktiviti. Semua pengguna boleh memasukkan aktiviti yang mereka ingin anjurkan. Pengguna perlu memasukkan maklumat mengenai aktiviti seperti nama aktiviti, tempat, tarikh dan lain-lain. Pengguna juga boleh memilih sama ada mereka mahu aktiviti tersebut menjadi aktiviti percuma atau berbayar. Jika aktiviti tersebut berbayar, pengguna dikehendaki memasukkan butiran pembayaran mereka supaya pentadbir boleh membayar wang yang diterima daripada peserta. Namun, aktiviti perlu diluluskan oleh admin terlebih dahulu agar ia muncul di papan pemuka pengguna.

Rajah 5 - Antara muka memasukkan aktiviti

Rajah 6 menunjukkan antara muka borang tempahan. Pengguna boleh meletakkan maklumat mereka dan tekan butang pengesahan. Sekiranya aktiviti tersebut merupakan aktiviti berbayar, pengguna akan dibawa ke tempat pembayaran. Setelah selesai bayaran, pengguna akan menerima emel pengesahan mengatakan aktiviti yang ditempah sah.

Rajah 6 - Antara muka borang tempahan

Pengujian Kebolehgunaan

Pengujian kebolehgunaan dilaksanakan untuk menilai sejauh mana sistem dapat digunakan dengan mudah dan berkesan oleh pengguna. Dalam pengujian kebolehgunaan, seramai 31 orang

pengguna yang terdiri daripada penduduk di sekitar kawasan Kuala Lumpur. Sebelum pengujian ini dikendalikan, satu demonstrasi ditunjukkan kepada pengguna untuk memastikan mereka memahami cara penggunaan sistem eCommunityKL ini. Selepas pengujian kebolegunaan selesai, kesemua maklumat telah direkod dan dianalisis dalam subtopik hasil kajian.

Jadual 1 menunjukkan hasil kajian berkenaan dengan profil demografi responden. Seramai 31 orang responden telah memberikan respon yang terdiri daripada 12 orang lelaki dan 19 orang perempuan, Kebanyak responden merupakan seorang pelajar (16 orang) manakal 3 orang tidak bekerja dan 12 orang sedang bekerja.

Jadual 1 Hasil Analisis Profil Demografi Responden

No	Item		Kekerapan	Peratus (%)
1.	Jantina	Lelaki	12	38.7
		Perempuan	19	61.3
2.	Status	Bekerja	12	38.7
		Tidak bekerja	3	9.7
		Pelajar	16	51.6

Jadual 2 ini menunjukkan hasil analisis maklum balas pengguna terhadap sistem eCommunityKL berdasarkan soal selidik menggunakan skala Likert 1 hingga 7, di mana 1 mewakili “sangat tidak setuju” dan 7 mewakili “sangat bersetuju”. Secara keseluruhan, majoriti responden memberikan skor tinggi (skala 6 dan 7) bagi semua item, menunjukkan tahap kepuasan yang tinggi terhadap kemudahan penggunaan, kebolegunaan, dan keberkesanan sistem. Sebagai contoh, lebih 70% responden sangat bersetuju bahawa sistem ini mudah digunakan dan membolehkan mereka menyelesaikan tugas dengan cepat. Tambahan pula, maklumat bantuan seperti mesej ralat dan dokumentasi disifatkan jelas dan membantu, dengan lebih 80% responden memberikan skor antara 6 dan 7. Antara muka sistem juga mendapat pujian dengan peratusan tinggi menunjukkan ia menarik dan mudah digunakan. Dari segi keupayaan sistem, sebahagian besar pengguna bersetuju bahawa semua fungsi yang diperlukan telah

disediakan dan membantu dalam menyelesaikan tugas. Kesimpulannya, analisis menunjukkan bahawa sistem eCommunityKL diterima baik oleh pengguna dari segi kemudahan navigasi, kejelasan maklumat, dan kepuasan keseluruhan, sekali gus mencerminkan keberkesanan pembangunan UI/UX dan fungsi sistem secara menyeluruh.

Jadual 2 Hasil Analisis Pandangan Pengguna terhadap Kegunaan Sistem

No	Item	Skala	Kekerapan	Peratus (%)
1	Secara keseluruhan, saya berpuashati dengan betapa mudahnya mengguna sistem eCommunityKL ini.	1(Sangat tidak setuju)	0	0
		2	0	0
		3	0	0
		4	0	0
		5	9	29
		6	15	48.4
		7 (Sangat bersetuju)	7	22.6
2	Sistem eCommunityKL ini mudah digunakan	1(Sangat tidak setuju)	0	0
		2	0	0
		3	0	0
		4	0	0
		5	2	6.5
		6	19	61.3
		7 (Sangat bersetuju)	10	32.3
3	Saya boleh menyiapkan tugas atau/dan senario yang diberi dengan pantas dan mudah mengguna sistem eCommunityKL ini.	1(Sangat tidak setuju)	0	0
		2	0	0
		3	0	0
		4	0	0
		5	4	12.9
		6	11	35.5
		7 (Sangat bersetuju)	16	51.6
4	Saya rasa selesa mengguna sistem eCommunityKL ini.	1(Sangat tidak setuju)	0	0
		2	0	0
		3	0	0
		4	0	0
		5	4	12.9
		6	12	38.7

		7 (Sangat bersetuju)	15	48.4
5	Cara mengguna sistem eCommunityKL ini mudah dipelajari.	1(Sangat tidak setuju)	0	0
		2	0	0
		3	0	0
		4	0	0
		5	6	19.4
		6	10	32.3
		7 (Sangat bersetuju)	15	48.4
6	Saya percaya saya lebih cepat produktif dengan mengguna sistem eCommunityKL ini.	1(Sangat tidak setuju)	0	0
		2	0	0
		3	0	0
		4	0	0
		5	5	16.1
		6	14	45.2
		7 (Sangat bersetuju)	12	38.7
7	Sistem eCommunityKL ini memberi mesej ralat yang jelas dengan memberitahu bagaimana masalah boleh di atasi.	1(Sangat tidak setuju)	0	0
		2	0	0
		3	0	0
		4	0	0
		5	6	19.4
		6	12	38.7
		7 (Sangat bersetuju)	13	41.9
8	Setiap kali saya membuat kesilapan ketika mengguna sistem eCommunityKL, saya dapat pulih dengan mudah dan cepat.	1(Sangat tidak setuju)	0	0
		2	0	0
		3	0	0
		4	0	0
		5	4	12.9
		6	17	54.8
		7 (Sangat bersetuju)	10	32.3
9	Maklumat (seperti bantuan dalam talian, mesej di skrin dan dokumentasi lain) yang disediakan bersama sistem eCommunityKL ini jelas.	1(Sangat tidak setuju)	0	0
		2	0	0
		3	0	0
		4	0	0
		5	3	9.7
		6	14	45.2
		7 (Sangat bersetuju)	14	45.2

		bersetuju)		
10	Maklumat yang saya perlukan mudah dicari.	1(Sangat tidak setuju)	0	0
		2	0	0
		3	0	0
		4	0	0
		5	0	0
		6	17	54.8
		7 (Sangat bersetuju)	14	45.2
11	Maklumat yang ada berkesan dalam membantu saya menyelesaikan tugas atau/dan senario.	1(Sangat tidak setuju)	0	0
		2	0	0
		3	0	0
		4	0	0
		5	6	19.4
		6	12	38.7
		7 (Sangat bersetuju)	13	41.9
12	Susunan maklumat di skrin sistem eCommunityKL adalah jelas.	1(Sangat tidak setuju)	0	0
		2	0	0
		3	0	0
		4	0	0
		5	4	12.9
		6	13	41.9
		7 (Sangat bersetuju)	14	45.2
13	Antara muka sistem eCommunityKL ini sangat menarik	1(Sangat tidak setuju)	0	0
		2	0	0
		3	0	0
		4	0	0
		5	3	9.7
		6	16	51.6
		7 (Sangat bersetuju)	12	38.7
14	Saya suka mengguna antara muka sistem eCommunityKL ini.	1(Sangat tidak setuju)	0	0
		2	0	0
		3	0	0
		4	0	0
		5	3	9.7
		6	17	54.8
		7 (Sangat bersetuju)	11	35.5

15	Sistem eCommunityKL ini mempunyai semua fungsi dan kemampuan yang saya harapkan	1(Sangat tidak setuju)	0	0
		2	0	0
		3	0	0
		4	0	0
		5	2	6.5
		6	14	45.2
		7 (Sangat bersetuju)	15	48.4
16	Secara keseluruhan, saya berpuas hati dengan sistem eCommunityKL ini.	1(Sangat tidak setuju)	0	0
		2	0	0
		3	0	0
		4	0	0
		5	6	19.4
		6	9	29
		7 (Sangat bersetuju)	16	51.6

Jadual 3 menunjukkan hasil analisis terhadap pandangan pengguna mengenai elemen nilai yang dikaitkan dengan sistem eCommunityKL, di mana responden diminta memilih lima nilai kefungsiian yang paling sesuai menggambarkan sistem tersebut. Berdasarkan dapatan, nilai yang paling banyak dipilih ialah "*Elak kesusahan*" dan "*Maklum*", masing-masing dengan 45.2%, diikuti oleh "*Kurangkan usaha*", "*Kepelbagaian*", dan "*Jimat masa*", masing-masing sebanyak 38.7%. Ini menunjukkan bahawa pengguna merasakan sistem ini berjaya menyederhanakan proses, menyediakan maklumat yang berguna, dan menjimatkan masa dalam mencari serta menempah aktiviti komuniti. Nilai lain seperti "*Kualiti*", "*Menghubung*", dan "*Tarikan*" turut mencatat peratusan yang tinggi (sekitar 32%-35%), membuktikan sistem ini bukan sahaja berfungsi dengan baik, tetapi juga memberikan pengalaman yang menarik dan membina jaringan sosial. Walau bagaimanapun, nilai seperti "*Memudahkan*", "*Menjana kewangan*", dan "*Mengurangkan risiko*" mencatatkan peratusan lebih rendah, menunjukkan bahawa aspek-aspek ini mungkin kurang dirasai oleh pengguna, atau belum dimanfaatkan sepenuhnya. Secara keseluruhan, jadual ini membuktikan bahawa sistem eCommunityKL dihargai kerana

kebolegunaan, kepelbagaian fungsi, dan kemampuannya menyampaikan maklumat serta membantu pengguna menjalani proses tempahan aktiviti dengan lebih efisien.

Jadual 3 Hasil Analisis Pandangan Pengguna terhadap Elemen Nilai Sistem

No.	Item	Pilihan	Kekerapan	Peratus (%)
1.	Sila pilih lima nilai kefungsian yang sesuai untuk menerangkan sistem eCommunityKL ini.	1) Menghubung	10	32.3
		2) Kurangkan usaha	12	38.7
		3) Elak kesusahan	14	45.2
		4) Kurangkan kos	10	32.3
		5) Kualiti	11	35.5
		6) Kepelbagaian	12	38.7
		7) Tarikan	10	32.3
		8) Maklum	14	45.2
		9) Jimat masa	12	38.7
		10) Memudahkan	4	12.9
		11) Menjana kewangan	7	22.6
		12) Mengurangkan risiko	6	19.4
		13) Mengatur	4	12.9
		14) Integrasi	7	22.6

Cadangan Penambahbaikan

Walaupun sistem ini telah mencapai banyak kejayaan, terdapat ruang untuk penambahbaikan yang boleh diterokai dalam kajian masa akan datang. Salah satu penambahbaikan yang dicadangkan bagi sistem eCommunity.kl ialah integrasi dengan pelbagai platform media sosial seperti WhatsApp, Facebook, dan Instagram. Ciri ini akan membolehkan pengguna berkongsi maklumat mengenai aktiviti yang mereka sertai atau anjurkan terus ke akaun media sosial mereka dengan mudah. Langkah ini bukan sahaja dapat meningkatkan kebolehlihatan aktiviti di platform eCommunity.kl, malah membantu menarik lebih ramai penyertaan daripada kalangan rakan, ahli keluarga, dan pengikut pengguna. Selain itu, perkongsian media sosial juga berpotensi mewujudkan kesedaran komuniti yang lebih luas, di mana aktiviti tempatan boleh menarik minat pengguna baharu yang mungkin belum mengetahui kewujudan platform ini. Fungsi ini akan menyokong misi platform untuk menjadi pusat sehenti aktiviti komuniti dengan memberi penekanan kepada keterlibatan sosial secara digital. Cadangan

penambahbaikan seterusnya ialah memperluas kawasan liputan platform eCommunity.kl ke luar Kuala Lumpur seperti Selangor, Johor, Pulau Pinang, dan negeri-negeri lain. Pada masa ini, sistem hanya memberi tumpuan kepada pengguna dan aktiviti di sekitar Kuala Lumpur sahaja. Dengan memperluaskan skop geografi, lebih ramai penduduk di kawasan lain dapat menikmati manfaat platform ini, sekali gus menjadikan eCommunity.kl sebagai platform komuniti berskala nasional. Peluasan ini akan membantu memupuk semangat kejiwaan, kesukarelawanan, dan pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan masyarakat di seluruh negara. Ia juga dapat memperkukuh impak sosial platform ini dengan menyatukan lebih ramai pengguna dari pelbagai latar belakang dan lokasi ke dalam satu ekosistem digital komuniti yang inklusif dan bersifat menyeluruh.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, sistem eCommunityKL telah berjaya mencapai objektif utamanya iaitu memberi manfaat besar kepada penduduk dan penganjur aktiviti dengan membawa kepada pembinaan komuniti yang lebih erat dan aktif melalui pelaksanaan dan perancangan yang teliti. Saya berharap agar sistem ini dapat menjadi pemangkin kepada keterlibatan komuniti yang lebih aktif serta menjadi platform rujukan utama bagi penduduk bandar dalam menyertai dan menganjurkan aktiviti bermanfaat secara mudah dan sistematik.

Kekuatan sistem :

Sistem eCommunity.kl mempunyai beberapa kekuatan utama yang menjadikannya berkesan sebagai platform berasaskan komuniti. Antaranya ialah antara muka pengguna (UI) yang mesra pengguna dan reka bentuk pengalaman pengguna (UX) yang intuitif, memudahkan pengguna daripada pelbagai latar belakang untuk mengakses dan menggunakan sistem. Sistem ini juga menawarkan fungsi utama seperti pendaftaran pengguna, carian aktiviti berdasarkan lokasi, penempahan slot, serta penilaian dan ulasan aktiviti, yang semuanya berfungsi dengan lancar. Selain itu, sistem dibangunkan menggunakan kaedah Agile, yang membolehkan penyesuaian pantas terhadap keperluan pengguna sepanjang proses pembangunan. Gabungan teknologi moden seperti HTML, CSS, PHP, JavaScript dan pengurusan pangkalan data menggunakan phpMyAdmin turut menjamin prestasi sistem yang stabil dan mudah diselenggara.

Kelemahan sistem :

Walaupun sistem eCommunity.kl mempunyai pelbagai ciri yang bermanfaat, terdapat beberapa kekurangan yang dikenal pasti. Antaranya ialah keterhadapan skop kawasan liputan yang hanya tertumpu di Kuala Lumpur, menjadikan capaian sistem terbatas untuk komuniti luar bandar dan negeri lain. Selain itu, sistem belum menyokong integrasi dengan platform media sosial, yang mengehadkan kebolehan pengguna untuk berkongsi maklumat aktiviti dengan lebih meluas. Dari segi teknikal, sistem juga masih bergantung kepada pelaksanaan manual dalam beberapa proses seperti pembayaran kepada penganjur, yang boleh menyebabkan kelewatan atau ketidakcekapan. Tambahan pula, sistem belum mempunyai aplikasi mudah alih, yang boleh membataskan akses pengguna yang lebih gemar menggunakan telefon pintar sebagai medium utama.

PENGHARGAAN

Pertama sekali saya amat bersyukur kepada Tuhan kerana dengan limpah kurniaNya, saya dapat menyiapkan usulan projek untuk semester ini. Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Assoc. Prof. Dr. Nur Fazidah Elias, penyelia projek tahun akhir saya, atas nasihat dan bimbingan yang dia berikan kepada saya semasa saya menyiapkan projek tahun akhir ini. Selain itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat kerana memberi saya peluang untuk terus belajar dan berbakti sebagai pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia. Selain itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan seperjuangan saya, yang telah memberikan banyak bantuan dan memberi saya semangat untuk terus menyelesaikan projek pada tahun akhir ini. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ibu saya, Puan Eliza, dan ayah saya, Encik Hafizan kerana banyak menyuntik semangat agar saya dapat menyiapkan projek tahun akhir ini dengan baik.

RUJUKAN

Anthony, B. 2023. The Role of Community Engagement in Urban Innovation Towards the Co-Creation of Smart Sustainable Cities. *J Knowl Econ* 15, 10 Mac. <https://doi.org/10.1007/s13132-023-01176-1>

Curtin, L. 2023. Why are young people volunteering less? *Quinnipiac Chronicle*, 8 November. <https://quchronicle.com/84262/featured/young-people-volunteering-less/>

Copyright@FTSM
UKM